

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI ISNIN, 1 JULAI 2013, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 5**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1311-L53141  
**Datuk Johari bin Abdul Ghani [ Titiwangsa ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :-
  - (a) pelan pembangunan semula Flat Pekeliling di Jalan Tun Razak berkeluasan 56 ekar dijadualkan pada September 2011, sehingga kini tiada tanda-tanda ianya akan dilaksanakan. Apakah rancangan serta tindakan diambil oleh Kementerian memandangkan kawasan ini semakin usang dan tidak terurus; dan
  - (b) sekiranya masih tiada cadangan pembangunan, bolehkah tapak ini dimajukan sebagai kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR), Perumahan Awam (PA) atau PR1MA bagi membantu masyarakat Kuala Lumpur mempunyai kediaman mampu milik.
  
2. PR-1311-L54820  
**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibü ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
  - (a) bilakah Kerajaan akan menunaikan janjinya untuk meningkatkan BR1M dari RM500 ke RM1200; dan
  - (b) berapa keluarga di Sarawak yang keseluruhan isi rumah hanya berpendapatan RM3,000 ke bawah sebulan dan adakah golongan yang sedang menerima bantuan kebajikan akan diliputi BR1M yang akan datang dan mengapa.

3. PR-1311-L53602  
**Dato' Noraini binti Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah faktor-faktor utama yang menyebabkan kejayaan 4,300 usahawan-usahawan wanita di bawah program 1Azam Niaga untuk mencapai pendapatan melebihi RM3,500 sebulan dan adakah usahawan-usahawan wanita yang gagal di bawah program ini boleh dipertimbangkan semula kerana kemungkinan faktor tersalah memilih jenis perniagaan.
4. PR-1311-L54171  
**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [ Gombak ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan untuk menurunkan peratusan kadar pengangguran di Malaysia yang statik pada kadar 3% dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini.
5. PR-1311-L54885  
**Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan profil dana pelaburan secara terperinci yang diuruskan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan setakat mana dana pelaburan yang di dalam bentuk patuh syariah.
6. PR-1311-L53419  
**Dr. Haji Izani bin Haji Husin [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana Kerajaan memantau dan menitikberatkan kualiti ubat-ubatan yang dibekalkan kepada hospital-hospital Kerajaan dalam rangka memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada rakyat.
7. PR-1311-L54971  
**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha-usaha yang dijalankan untuk memperkasakan Institut Perguruan Malaysia (IPGM) sebagai institusi latihan guru yang setanding dengan institusi Pengajian Tinggi Awam yang lain.
8. PR-1311-L53045  
**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tentang kaedah mengawal serangga dan lain-lain ancaman dengan menggunakan pendekatan mesra alam dan tidak berbahaya.
9. PR-1311-L53061  
**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini pengiktirafan ijazah untuk 820 buah universiti di Republik Rakyat China yang dimeterai oleh Malaysia dan China dan bagaimana pula status pengiktirafan ijazah 157 buah universiti di Taiwan.
10. PR-1311-L53562  
**Dr. Ko Chung Sen [ Kampar ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada terdapat sebarang rancangan untuk menaik taraf atau meluaskan jalan dari Kampar ke Tapah dan Ipoh, dan sekiranya ada, nyatakan dari segi tapak, cara, dan jangka masa permulaan kerja serta perlaksanaannya.

11. PR-1311-L53759  
**Dr. Mansor bin Abd Rahman [ Sik ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam menambah bilangan MRSM ke seluruh daerah-daerah di Malaysia ini dan menambah kemudahan-kemudahan asas di setiap kampung atau pun zon di Malaysia seperti padang bola, padang futsal dan lain-lain lagi.
12. PR-1311-L53440  
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sebab-sebab Kerajaan terus melindungi Megasteel Sdn Bhd dan kesan-kesannya ke atas industri keluli tempatan apabila produk-produk Megasteel adalah tidak kompetitif harganya dan mempunyai isu-isu kualiti.
13. PR-1311-L53123  
**Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [ Parit ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah Kementerian akan memantau penggunaan kipas angin di RnR di seluruh negara yang mengakibatkan berlebihan penggunaan tenaga elektrik yang boleh membawa kepada krisis tenaga di negara ini.
14. PR-1311-L53777  
**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan prosedur pengambilan tanah untuk pembangunan.
15. PR-1311-L53092  
**Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi menyekat menularnya budaya lesbian, gay, biseksual dan transeksual (LGBT) di kalangan generasi muda termasuk di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).
16. PR-1311-L53515  
**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah dana yang telah dibelanjakan oleh Kementerian untuk Program 10 Ribu Langkah. Apakah program itu berjaya mencapai matlamat.
17. PR-1311-L53894  
**Datuk Juslie bin Ajirol [ Libaran ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha-usaha mengukuhkan sinergi untuk memberi keutamaan terhadap keselamatan rakyat Sabah di Kawasan Keselamatan Khas Timur Sabah (ESSCOM) dan Zon Keselamatan Pantai Timur Sabah (ESSZONE).
18. PR-1311-L54818  
**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [ Kota Kinabalu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status pembangunan Pulau Gaya sebagai hub pelancongan tertunggak seperti yang dijanjikan di ETP. Apakah tindakan Kerajaan untuk menyelesaikan masalah Pemandang Asing Tanpa Izin (PATI) yang tinggal di pulau tersebut.

19. PR-1311-L53765  
**Tuan Masir Kujat [ Sri Aman ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada sebuah Sekolah Menengah Kerajaan akan dibina dalam 'Rolling Plan' terakhir RMK-10.
20. PR-1311-L53448  
**Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk memansuhkan tol di Batu Tiga dan Sungai Rasah.
21. PR-1311-L54088  
**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apa sudah jadi dengan Parlimen Belia seperti yang dicadangkan.
22. PR-1311-L54416  
**Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada hospital-hospital Kerajaan mempunyai mesin-mesin dialisis yang mencukupi. Jika tidak, kenapa tidak mencukupi dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.
23. PR-1311-L53733  
**Tuan William @ Nyallau anak Badak [ Lubok Antu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Suruhanjaya Pilihan raya Malaysia dalam melaksanakan PRU ke-13 yang lepas menggunakan kaedah-kaedah, peraturan dan tatacara yang sama di 3 buah negeri di mana pihak pembangkang telah menangi. Jika sama kenapa tidak ada bantahan daripada parti pembangkang di kawasan tersebut.
24. PR-1311-L53783  
**Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah inisiatif-inisiatif baru dan unik yang telah diperkenalkan oleh Sekolah Berprestasi Tinggi pada tahun 2012 dalam meningkatkan kualiti kurikulum kepada para pelajar.
25. PR-1311-L53100  
**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :
- (a) sama ada Kerajaan berpuas hati dengan penggunaan dakwat kekal dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 yang lalu; dan
  - (b) alasan mengapa pihak pembangkang enggan menerima keputusan PRU tersebut dan apa pandangan masyarakat antarabangsa mengenai dengan PRU tersebut.
26. PR-1311-L53132  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kenapa nelayan dihukum dengan lesen menangkap ikan mereka digantung sungguhpun mereka pertikaikan tuduhan terhadap mereka di Mahkamah.

27. PR-1311-L53212  
**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kesediaan kerajaan untuk mengkaji semula konsep pendidikan vernakular di negara ini.
28. PR-1311-L53096  
**Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan akan membuat suatu '*master plan*' perparitan bagi seluruh bandar di Negeri Kelantan, terutama Bandar Kota Bharu, bagi mengelakkan berlakunya banjir atau banjir kilat semasa musim hujan.
29. PR-1311-L54128  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [ Lipis ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Pahang terkenal dengan pengeluaran hasil bumi mineral dan pada hemat saya belum dimanfaatkan seluruhnya. Adakah PEMANDU berminat menilai keberkesanan aktiviti penghasilan mineral daripada aktiviti "*Upstream*" ke "*Mid Stream*" hingggga ke "*Downstream*" untuk menghasilkan pulangan yang terbaik.
30. PR-1311-L54259  
**Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan mengapa penduduk yang terlibat dalam rancangan pembangunan Semula Kawasan Perumahan Awam Cheras DBKL tidak diberi pilihan untuk memiliki unit yang disewa sejak 30 tahun lepas.
31. PR-1311-L54779  
**Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan pendidikan wajib sehingga Tingkatan 5 kepada pelajar-pelajar yang gagal menguasai akademik tetapi mempunyai minat dan kemahiran lain. Adakah statistik yang menunjukkan pencapaian mereka.
32. PR-1311-L54807  
**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan rancangannya menjemput wakil Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, khususnya '*The Human Rights Council*' untuk meninjau kebebasan rakyat yang terdapat di Malaysia, termasuk tarikh lawatan mereka.
33. PR-1311-L53300  
**Tuan Wilson Ugak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah pihak Kementerian dapat memberi peruntukan untuk mendirikan menara / tiang komunikasi di tempat seperti di SK. Punan Bah, Daerah Belaga Bahagian Kapit, di Punan Sama, Daerah Belaga Bahagian Kapit, di SK. Nanga Stapang, Sungai Gaat, Baleh Bahagian Kapit, di SK. Long Busang, Daerah Belaga Bahagian Kapit dan di SK. Nanga Tiau, Sungai Mujong, Baleh Bahagian Kapit.

34. PR-1311-L54443  
**Tuan Wong Ling Bui [ Sarikei ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah akan bermula pembinaan jalan dari Sarikei ke Tanjong Manis. Berapakah kos pembinaan projek tersebut yang akan ditanggung oleh Kerajaan Pusat.
35. PR-1311-L54745  
**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-
- (a) apakah perancangan Kementerian untuk meningkatkan dan mengawal selia kualiti perkhidmatan rangkaian Internet yang dibekalkan syarikat-syarikat telekomunikasi di seluruh negara sejajar dengan kepentingan pembangunan teknologi maklumat; dan
  - (b) apakah usaha Kementerian untuk memastikan kualiti perkhidmatan rangkaian Internet di Sabah dan Sarawak terutamanya di Bintulu yang sering mengalami gangguan perkhidmatan.
36. PR-1311-L54687  
**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah cadangan untuk mempertingkatkan seluruh Pan Borneo Highway kepada jalanraya 4 lorong iaitu, dari Sematan ke Lawas.
37. PR-1311-L54874  
**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah tindakan serta perancangan PDRM dalam meningkatkan kualiti persediaan dan kesiapsiagaan anggota dalam menghadapi krisis seperti di Lahad Datu. Adakah pembelian persenjataan yang canggih di buat untuk Pasukan Gerakan Am (PGA) bagi menghadapi ancaman musuh ini.
38. PR-1311-L54445  
**Tuan Wong Ling Bui [ Sarikei ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah doktor berstesen di Klinik Bintangor di bahagian Sarikei. Bilakah Klinik Bintangor akan dinaiktarafkan sebagai hospital di Bintangor.
39. PR-1311-L53187  
**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) langkah yang dijalankan oleh Kementerian bagi mempermudah urusan kelulusan penerima bantuan; dan
  - (b) menyenaraikan jumlah bantuan mengikut negeri, dan apakah Kementerian bercadang melonggarkan syarat-syarat kelayakan permohonan.

40. PR-1311-L54525  
**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kos keseluruhan projek 1BestariNet serta perinciannya, berapa banyak yang sudah dibelanja, status pelaksanaannya dan siapakah pemilik infrastruktur tersebut.
41. PR-1311-L53722  
**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad [ Mersing ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah kolej vokasional menawarkan program pengajian diploma akan menyebabkan berlaku pertindihan dengan program pengajian yang ditawarkan oleh Kolej Komuniti yang juga menawarkan program berbentuk teknikal. Jika berlaku benar berlaku pertindihan, mengapa tidak digabungkan.
42. PR-1311-L53925  
**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit buah pinggang yang berdaftar dengan kerajaan di Sibu dan di Sarawak, serta apakah rancangan Kerajaan untuk meningkatkan perkhidmatan dialisis di Hospital Sibu dan di Sarawak memandangkan bilangan pesakit semakin meningkat dan kosnya agak tinggi.
43. PR-1311-L53470  
**Datuk Jumat bin Idris [ Sepanggar ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-
- (a) apakah langkah konkrit kementerian bagi memperbaiki prestasi skuad badminton negara terutamanya setelah skuad badminton negara mempamerkan aksi yang hambar pada kejohanan Piala Sudirman baru-baru ini; dan
  - (b) adakah pihak kementerian mempunyai cadangan membina pusat badminton bertaraf dunia di Sabah serta bercadang membina 1 Mukim 1 Gelanggang Futsal bagi memberikan ruang dan prasarana kepada para belia.
44. PR-1311-L54705  
**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) tarikh baru di mana KLIA2 akan disiapkan dan impak kos kepada MAHB atas kelewatan projek tersebut ; dan
  - (b) jumlah "Liquidated Ascertained Damages" (LAD) yang akan dituntut oleh MAHB daripada senarai nama kontraktor KLIA2.
45. PR-1311-L53735  
**Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [ Jasin ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan mekanisme diguna-pakai dalam usaha menurunkan harga kenderaan di antara 20-30 peratus secara berperingkat sehingga 2017 di samping turut meningkatkan daya saing kereta nasional.

46. PR-1311-L53335  
**Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjung Malim ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :
- (a) usaha yang diambil untuk menurunkan harga kereta bagi meringankan beban rakyat dalam memiliki kereta; dan
  - (b) apakah dasar Kementerian dalam menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik (*electric vehicle*) atau separuh elektrik (*Hybrid*) menjelang tahun 2020.
47. PR-1311-L53367  
**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan keluarga dengan pendapatan di bawah RM3000 sebulan dengan memberi pecahan sama ada mereka mempunyai rumah sendiri, sedang membuat bayaran balik bank untuk pinjaman membeli rumah ataupun mereka sedang menyewa rumah.
48. PR-1311-L53857  
**Dr. Ong Kian Ming [ Serdang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah bajet untuk 2012 dan 2013 yang diperuntukkan kepada PEMANDU (*Performance Management and Delivery Unit*) termasuk gaji tahunan CEO PEMANDU, Datuk Seri Idris Jala.
49. PR-1311-L54019  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kematian dalam tahanan setiap tahun sejak 1995 mengikut pecahan negeri, apakah tindakan yang diambil ke atas mereka yang bertanggungjawab dan mengapakah IPCMC tidak ditubuhkan untuk menangani tragedi ini. Nyatakan Menteri yang mencadangkan penubuhan IPCMC dalam mesyuarat Kabinet.
50. PR-1311-L53830  
**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah royalti yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Negeri Kelantan, hasil daripada petroleum yang didapati di perairan pantai negeri itu sejak tahun 2006 hingga sekarang.
51. PR-1311-L54183  
**Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk memulakan undang-undang untuk mengadakan pilihan raya secara langsung ke Dewan Negara. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.
52. PR-1311-L53788  
**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [ Sepang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tapak bagi pembinaan Hospital Sepang telah diluluskan di Bandar Baru Salak Tinggi, kenapakah sehingga kini pembinaannya masih belum dilakukan.



53. PR-1311-L53564  
**Dr. Ko Chung Sen [ Kampar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada terdapat rancangan untuk meningkatkan perkhidmatan pakar di Hospital Kampar dan sekiranya ada dalam bidang-bidang apa yang dikenal pasti.
54. PR-1311-L53541  
**Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [ Raub ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
- (a) bagaimana pemajuan semula tanah kuarters Kerajaan di bandar Raub memberi faedah kepada Bumiputera; dan
  - (b) sejauh mana penglibatan syarikat Bumiputera dalam pemajuan tanah tersebut.
55. PR-1311-L53919  
**Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah terma rujukan (*terms of reference*) serta mekanisme pelaksanaan untuk Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk menyelia Suruhanjaya Pilihanraya seperti yang diumumkan oleh YAB. Perdana Menteri pada 1 Jun 2013.
56. PR-1311-L54417  
**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat proses Pilihan Raya Umum ke- 13 dan keputusannya, sama ada ia bersih dan adil, RCI untuk mencari fakta dan punca rusuhan 13.5.1969 serta pihak yang bertanggungjawab dan, RCI bagi kes kematian tahanan di dalam lokap, serta salahguna kuasa dan keganasan polis.
57. PR-1311-L54713  
**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah tidak dipanggil Sidang Khas Parlimen bagi membincangkan isu Pencerobohan Lahad Datu ketika kejadian itu sedang berlaku pada bulan Mac 2013 yang lalu.
58. PR-1311-L54022  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada 1MDB ada membeli tanah di Pulau Pinang untuk pembangunan perumahan. Nyatakan butir-butir lanjut seperti tarikh pembelian, kos, apakah asas membeli dengan harga sedemikian, siapa penjual, keluasan dan rancangan pembangunan. Nyatakan juga projek atau pembelian lain di Pulau Pinang.
59. PR-1311-L54856  
**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sekiranya Akta Hasutan akan dimansuhkan dan bila? Adakah pendakwaan yang sedia ada akan diteruskan sekiranya Akta tersebut di mansuhkan dan berapa bilangannya.

60. PR-1311-L53411  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan cadangan projek Menara Warisan Merdeka di atas tapak Stadium Negara/Stadium Merdeka/Taman Tunku Kuala Lumpur yang akan menyebabkan banyak sekolah di situ berpindah keluar dan apakah cadangan penempatan semula sekolah-sekolah tersebut.
61. PR-1311-L54789  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status pemantauan kesalahan trafik AES. Apakah pemandu yang mendapat saman AES perlu menjelaskan kompaun mereka.
62. PR-1311-L54583  
**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [ Bukit Katil ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa tiada tindakan diambil terhadap Utusan Malaysia yang mempermainkan politik perkauman terutamanya dengan liputan beritanya 7 Mei 2013 bertajuk "Apa Lagi Cina Mahu" yang jelasnya menghasut emosi perkauman.
63. PR-1311-L54271  
**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan telah membuat suatu penilaian atau evaluasi mengenai pencapaian dasar gaji minimum sehingga kini. Adakah matlamat dasar gaji minima dicapai.
64. PR-1311-L54011  
**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci kedudukan terkini jumlah hutang Negara, kos membayar hutang negara dan semua *contingent liabilities* yang perlu ditanggung oleh Kerajaan setakat bulan Jun, 2013.
65. PR-1311-L53667  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keadaan rasuah di negara ini, bilangan kes yang telah dibawa ke mahkamah dan kes didapati bersalah serta langkah-langkah berkesan termasuk pindaan undang-undang rasuah.
66. PR-1311-L54664  
**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen Kerajaan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 dan mengapa masih berdalih-dalih untuk memansuhkannya.
67. PR-1311-L53385  
**Datin Linda Tsen Thau Lin [ Batu Sapi ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah langkah-langkah untuk menarik pelancong ke Sabah, terutamanya di Pantai Timur, selepas Operasi Daulat.
68. PR-1311-L53460  
**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [ Limbang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah projek SK Limbang dan SK Menuang akan disiapkan dan bilakah projek SK Tanjong yang baru akan dilaksanakan.

69. PR-1311-L53695  
**Puan Kasthuriraani a/p Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan untuk membina hospital baru menggantikan Hospital Sungai Bakap serta bilangan doktor pakar, jurusan kepakaran serta kemudahan perubatan di Hospital Sungai Bakap, Hospital Seberang Jaya, Hospital Balik Pulau, Hospital Bukit Mertajam, Hospital Kepala Batas dan Hospital Pulau Pinang.
70. PR-1311-L54047  
**Tuan Teo Kok Seong [ Rasah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci sebab peruntukan secara sistematik dan mengikut keperluan kepada setiap aliran sekolah tidak dapat dilaksanakan demi kebaikan pelajar.
71. PR-1311-L53135  
**Tuan Idris bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah hutang PTPTN yang masih tertunggak sehingga kini. Berapakah bilangan peminjam PTPTN sejak diperkenalkan dan berapa bilangan peminjam yang berhutang.
72. PR-1311-L53968  
**Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [ Kepala Batas ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah wujud aliran masuk dana antarabangsa (*foreign fund*) sepanjang tempoh setahun yang lalu, khusus untuk membantu pihak-pihak tertentu mendapat keuntungan politik menjelang PRU-13. Apakah undang-undang sedia ada cukup bagi menangani perkara ini.
73. PR-1311-L53400  
**Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah syarikat perniagaan yang berasaskan minyak dan gas yang dimiliki oleh anak Terengganu yang berjaya dibimbing oleh Petronas; dan
  - (b) bilangan pekerja anak Terengganu dalam operasi Petronas sejak beroperasi sehingga Disember 2012.
74. PR-1311-L54255  
**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan status terkini mengenai Flat Pekeliling.
75. PR-1311-L53349  
**Dato' Henry Sum Agong [ Lawas ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pelaksanaan Fasa II bangunan Hospital Daerah Lawas dijalankan.

76. PR-1311-L54479  
**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [ Sandakan ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan tahukah Sandakan masih kerap mengalami masalah gangguan bekalan elektrik. Apakah cara penyelesaian, bukan sahaja untuk jangka masa panjang (*long term*), tetapi juga pendek (*short term*) atau kecemasan (*emergency*). Memandangkan langkah yang dicadangkan atau diambil oleh bekas Menteri tidak efektif.
77. PR-1311-L54130  
**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) langkah Kerajaan mengurangkan pinjaman berjamin Badan Berkanun dan Syarikat Kerajaan yang meningkat dari RM100 bilion dari 2010 ke RM 140 bilion pada 2012; dan
  - (b) setakat mana jumlah tersebut menjadi tanggungan langsung kepada Kerajaan.
78. PR-1311-L53306  
**Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sebab-sebabnya Pasukan Penguatkuasa Kempen Pilihan Raya tidak menjalankan tugas di kawasan Parlimen Tebrau. Adakah begitu juga bagi kawasan-kawasan Parlimen yang lain.
79. PR-1311-L54690  
**Tuan Liew Chin Tong [ Kluang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah bilangan banduan di penjara Malaysia yang telah dijatuhkan hukuman sebat mengikut kewarganegaraan mereka dan sebab kesalahan mereka.
80. PR-1311-L53895  
**Datuk Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang bebanan harga barangan yang terpaksa ditanggung oleh masyarakat di negeri Sabah akibat pelaksanaan Dasar Cabotaj (*Cabotaj Policy*) sejak tahun 1980.
81. PR-1311-L53563  
**Dr. Ko Chung Sen [ Kampar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengenai kemajuan dalam menempatkan semula Hospital Kampar ke tempat yang baru di Bandar Baru.
82. PR-1311-L54562  
**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kejayaan Pasukan Petugas Khas Hal Ehwal Masyarakat India selain melantik seorang 2 bekas pengerusi Hindraf (Barisan Bertindak Hak-Hak Hindu) sebagai Timbalan Menteri dan bagaimana perlantikan ini akan membantu menangani masalah kaum India seperti dijanjikan oleh Kerajaan.

83. PR-1311-L54267  
**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Bachok ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah telaga petroleum berserta nama-nama telaga tersebut dan berapakah jumlah pengeluaran setiap telaga yang berada di kawasan perkongsian sempadan Thailand dengan Kelantan.
84. PR-1311-L54485  
**Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-
- (a) adakah Kerajaan akan membekalkan kemudahan rangkaian kawasan setempat tanpa wayar di Bandar Diraja Muar.; dan
  - (b) jika ya, berapakah kos anggaran pembinaan dan penyenggaraan, bilakah pembinaan akan bermula dan berapa lama tempoh projek akan disiapkan.
85. PR-1311-L54322  
**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan rancangan terkini penstrukturan dan penyemakan semula dasar industri besi dan keluli serta apakah cadangan dan saranan oleh Boston Consulting Group iaitu konsultan yang dilantik oleh Kerajaan (MITI) untuk melaksanakan kajian semakan tersebut.
86. PR-1311-L54309  
**Tuan Lim Kit Siang [ Gelang Patah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai dan apakah terdapat sebarang pelan tindakan khas untuk memastikan Johor Bahru tidak lagi dianggap sebagai "ibu kota jenayah" di Malaysia.
87. PR-1311-L53107  
**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan tentang penggunaan media yang berat sebelah sepanjang kempen pilihanraya yang ke-13.
88. PR-1311-L54367  
**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [ Kota Tinggi ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan prosedur pihak Kementerian bagi mendaftarkan setiap kematian rakyat Malaysia dan bagaimanakah cara yang digunakan oleh pihak Kementerian bagi mengumpul data-data tersebut.
89. PR-1311-L54496  
**Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-
- (a) apakah rancangan Kerajaan untuk memulih/membina semula Kolam Renang Muar; dan
  - (b) jika ya, bilakah rancangan pembinaan akan bermula dan berapakah kos yang terlibat.

90. PR-1311-L53619  
**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [ Kalabakan ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) apakah Kementerian sudah mempunyai pelan tindakan yang holistik dan kewangan untuk melaksanakan program yang dijanjikan iaitu, program pembinaan sebanyak 1 juta unit rumah di bawah program Perumahan Rakyat (PPR); dan
  - (b) jika ada, bilakah program ini akan dimulakan.
91. PR-1311-L53328  
**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) apakah bentuk skim persijilan atau kawalan yang ada bagi memastikan bangunan berusia agak lama masih boleh diguna pakai atau dilupuskan; dan
  - (b) apakah kaedah atau teknologi pemeriksaan berkala yang boleh menjamin integriti tahap keselamatan bangunan tersebut.
92. PR-1311-L53506  
**Tuan Seah Leong Peng [ Telok Intan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah permohonan kad pengenalan biru daripada pemegang kad pengenalan merah. Berapakah bilangan mengikut negeri.
93. PR-1311-L54894  
**Datuk Koh Nai Kwong [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mengapa cukai tanah untuk kondominium, pangsapuri serta rumah pangsa yang berdasarkan konsep hak milik strata bagi setiap petak tidak dikenakan atas syer petak masing-masing seperti mana yang diamalkan oleh cukai taksiran harta, sebaliknya cukai tanah dikenakan ke atas hak milik induk.
94. PR-1311-L54983  
**Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian dapat membantu menghulurkan dana atau mengagihkan bantuan diesel untuk meringankan beban rakyat luar bandar yang menggunakan genset di rumah mereka memandangkan kebanyakan mereka sudah tua atau tidak mampu untuk membeli minyak diesel kerana tidak mempunyai pekerjaan atau pekerjaan tetap.

95. PR-1311-L55024  
**Tuan Rozman Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan Labuan merupakan sebuah aset ekonomi yang penting kepada negara dan mempunyai pangkalan udara yang terbesar di Malaysia Timur tetapi tiada mempunyai Kem Tentera Darat. Kem yang terhampir ialah Kem Lok Kawi yang jaraknya lebih kurang 200 km dari Labuan. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu Batalion Tentera Darat di Labuan sebagai unit sokongan darat kepada Pangkalan Udara Labuan dan memperkukuhkan kemantapan ESSCOM.
96. PR-1311-L54916  
**Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [ Sipitang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah kajian persempadanan semula kawasan pilihan raya akan dilaksanakan selepas tertangguh pada tahun 2011.

## ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ]** dan masalah dicadangkan :-

“ Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“ Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Ketiga Belas.”

### **Menyambung semula Perbahasan atas masalah (27 Jun, 2013)**

2. (D.R. 1/2013) Rang Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2013 **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

3. (D.R. 3/2013) Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2013 “

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

4. (D.R. 2/2013) Rang Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2013 “

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

5. PR-1311-U53624

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa adalah menjadi pengetahuan umum bahawa ramai warga asing di negeri Sabah telah diberikan kewarganegaraan dengan berstatuskan Bumiputera di negeri Sabah, dengan pemberian kad pengenalan Malaysia. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, dalam pendengaran awam Suruhanjaya Siasatan DiRaja bagi menangani masalah pemberian kad pengenalan Malaysia kepada warga asing, beberapa orang saksi telah memberikan keterangan bahawa memang terdapat usaha beberapa individu untuk memberikan warga asing kad pengenalan Malaysia dan seterusnya mendaftarkan mereka sebagai pemilih.



Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, dalam pendengaran awam Suruhanjaya Siasatan DiRaja, Suruhanjaya juga diberitahu bahawa terdapat juga individu yang mengambil kesempatan untuk menjual kad pengenalan kepada warga asing. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, dikhabarkan bahawa jumlah warga asing yang telah diberikan kerakyatan telah melebihi tiga kali ganda jumlah penduduk asal negeri ini. Dan Dewan ini juga mengambil maklum bahawa kehadiran "warganegara Malaysia baru ini" telah banyak menimbulkan masalah sosial, kesihatan, ekonomi dan keselamatan. Maka, bagi menangani masalah ini, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, gerakan penukaran kad pengenalan baru haruslah dijalankan di negeri Sabah dan setiap permohonan kad pengenalan baru ini hendaklah disokong dengan sijil kelahiran pemohon dan juga ibu bapa pemohon. Dewan ini juga haruslah memutuskan bahawa latar belakang pemohon yang menggunakan sijil pendaftaran lewat kelahiran atau surat akuan hendaklah diteliti rapi agar tidak terdapat unsur-unsur penipuan pendaftaran. Abjad "H" dan angka "12" juga haruslah dimasukkan dalam kad pengenalan yang dikeluarkan bag rakyat Sabah."

**(Menteri Dalam Negeri)**

6. PR-1311-U53641

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

" Dewan ini mengambil maklum bahawa, sebagaimana yang telah diumumkan oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, satu gerakan persempadanan semula kawasan pilihan raya di seluruh negara akan dijalankan dalam tempoh terdekat. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa pada masa ini daripada 222 kerusi Parlimen yang ada, hanya 56 kerusi sahaja diperuntukkan bagi Negeri-negeri Borneo (Sarawak 31 dan Sabah 25) dan selebihnya 166 kerusi diperuntukkan kepada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa tanah Semenanjung Malaysia berkeluasan seluas 131,598 kilometer persegi diperuntukkan sebanyak 166 kerusi (75%) sementara Sarawak dan Sabah dengan keluasan 198,081 kilometer persegi hanya diperuntukkan hanya 56 kerusi(25%). Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa dengan kedudukan geografi dan bentuk muka bumi negeri Sarawak dan Sabah, pengurusan dan pentadbiran di kedua-dua negeri ini agak terbantut, sama ada dari segi suara di Parlimen mahu pun dana yang diperoleh melalui Ahli Parlimen. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa bersandarkan kepada polisi dan semangat Perjanjian Malaysia, Negeri Borneo ini (Sarawak dan Sabah) hendaklah memiliki 1/3 atau sekurang-kurangnya 77 kerusi Parlimen. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa dalam gerakan persempadanan semula kawasan pilihan raya yang bakal dijalankan nanti, Negeri Sarawak dan Sabah hendaklah diperuntukkan 1/3 kerusi Parlimen yang bakal dibentuk kelak."

**(Perdana Menteri)**

7. PR-1311-U53665

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa, bahasa memainkan peranan penting dalam berkomunikasi sama ada, ketika belajar, ketika bekerja atau ketika beriadah. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, bahawa kebolehan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa membolehkan rakyat Malaysia berinteraksi dengan baik sama ada dalam negara mahu pun di peringkat global. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, dalam merangka pelan pendidikan negara, Kerajaan hendaklah mewajibkan semua murid di Sekolah Jenis Kebangsaan mengambil mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Inggeris sebagai mata pelajaran wajib sementara di sekolah kebangsaan pula, murid hendaklah mengambil mata pelajaran bahasa pilihan, sama ada bahasa ibunda, Tamil, cina dan lain-lain bahasa."

**(Menteri Pendidikan)**

8. PR-1311-U53673

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa, isu Borneonisasi amat dekat di hati rakyat Negeri Sabah dan Sarawak. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, bahawa rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak juga ingin untuk menyumbang dalam pembangunan negara. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, Rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak amat bersyukur kerana telah diberikan banyak peluang dalam menjawat jawatan persekutuan di kedua-dua negeri ini. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, masih terdapat banyak ruang di mana rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak dapat diberikan peluang untuk berkhidmat dan menyumbang kepada pembangunan negara dalam syarikat berkaitan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak haruslah diberikan peluang untuk berkhidmat dalam syarikat berkaitan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan."

**(Perdana Menteri)**

9. PR-1311-U53606

**Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Rakyat ini mengambil maklum bahawa kebelakangan ini beberapa orang yang telah ditangkap dan ditahan di lokap untuk penyiasatan selanjutnya mati di lokap Polis dan ia adalah di bawah bidang kuasa Polis. Pada masa sekarang pihak Polis sendiri menyiasat salah guna kuasa mereka sendiri ini tidak membawa sebarang keyakinan kepada rakyat. Suatu Badan Kuasa Bebas perlu ditubuhkan seperti yang telah disyorkan supaya siasatan bebas terhadap pihak Polis boleh dilaksanakan. Badan yang dicadangkan adalah "Independent Police Complaints And Misconduct Commission (IPCMC)".

Bahawa Dewan ini mengarahkan Kementerian Dalam Negeri melaksanakan dan menubuhkan "Independent Police Complaints And Misconduct Commission (IPCMC)" dengan segera".

**(Perdana Menteri)**

10. PR-1311-U53671  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan dasar dan langkah-langkah yang sentiasa diambil untuk menjaga keutuhan negara Malaysia."

**(Menteri Dalam Negeri)**

11. PR-1311-U53672  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memperdebatkan keadaan jenayah secara menyeluruh di negara ini."

**(Menteri Dalam Negeri)**

12. PR-1311-U53434  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Rakyat bersetuju supaya pilihan raya Kerajaan tempatan dipulihkan semula di seluruh negara termasuk pilihan raya Kerajaan Tempatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi menggantikan sistem lantikan Datuk Bandar dan Ahli-ahli Majlis kerana ia lebih berkesan untuk mewujudkan pentadbiran Kerajaan Tempatan yang adil, cekap dan akauntabiliti berbanding sistem sekarang."

**(Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan)**

13. PR-1311-U54335  
**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini mengambil tindakan terhadap Pengerusi dan Timbalan Pengerusi serta anggota Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) yang telah melakukan penipuan dalam PRU-13 dengan menggunakan dakwat kekal yang tidak kekal dan menjadikan PRU-13 sebagai tidak bersih."

**(Perdana Menteri)**

14. PR-1311-U54336

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memansuhkan dan membatalkan pelaksanaan dan operasi AES yang jelas hanya menguntungkan syarikat konsesi dan tidak menyelesaikan serta tidak mengurangkan kadar kemalangan di Malaysia. "

**(Menteri Pengangkutan)**

15. PR-1311-U54337

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memansuhkan dan membatalkan pinjaman pendidikan PTPTN dan menyediakan pendidikan tinggi yang percuma untuk rakyat Malaysia. Pemansuhan PTPTN akan mengelakkan masyarakat Malaysia daripada beban hutang yang berpanjangan."

**(Menteri Pendidikan)**

16. PR-1311-U54338

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memastikan Rang Undang - Undang GST mesti ditolak, kerana GST akan menambah beban hidup rakyat. Pelaksanaan GST nanti adalah satu kezaliman pada rakyat Malaysia yang majoritinya berpendapatan rendah dan sederhana."

**(Menteri Kewangan)**

17. PR-1311-U54339

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini mengutuk sekerasnya kenyataan-kenyataan berbaur perkauman yang dikeluarkan oleh pimpinan parti politik dan media perkauman UMNO/BN seperti menyatakan keputusan PRU-13 adalah tsunami politik Cina dan 'apa lagi cina mau' adalah sesuatu yang tidak boleh diterima dan bertentangan dengan amalan demokrasi."

**(Perdana Menteri)**

18. PR-1311-U54341

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini meminta Kerajaan menurunkan harga minyak RON95 dari RM1.90 kepada RM 1.40 bagi meringankan bebanan hidup rakyat dan membolehkan lebih pendapatan dalam poket serta mewujudkan pendapatan boleh guna rakyat.

"

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan)**

19. PR-1311-U53963

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** akan mencadangkan:-

"bahawa Dewan mempertimbangkan cadangan Malaysian Association of Foreign Maid Agencies (PAPA) untuk menaikkan fi pengambilan pekerja kepada RM6700 oleh majikan dan RM1800 oleh pekerja domestik. Memorandum Persefahaman (MOU) yang ditandatangani Kerajaan Malaysia-Indonesia, yang menetapkan fi tetap pada RM4,511; RM2,711 dibayar oleh majikan dan RM1,800 oleh pekerja domestik jelas menunjukkan agensi pekerjaan mengaut keuntungan yang tinggi melalui pemerdagangan ini. Ia akan membawa kepada tangga gaji yang rendah kepada pekerja domestik untuk sekurang-kurangnya 6-9 bulan. Ianya jua bercanggah dengan Akta Pekerjaan (Artikel 24-8) yang menghalang majikan menolak gaji sehingga 50%. Ia juga bercanggah dengan Prosedur Operasi Piawai (Standard Operating Procedure) di bawah Akta Anti-Pemerdagangan Manusia di mana sekiranya gaji tidak dibayar untuk tiga bulan atau lebih, maka majikan boleh didakwa kerana eksploitasi."

**(Menteri Sumber Manusia)**

20. PR-1311-U53965

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** akan mencadangkan:-

"bahawa Dewan ini mendesak agar segala projek pembangunan yang dibina di kawasan Bukit Gasing dihentikan agar hakisan tanah dan penduduk di kawasan pinggir bukit tidak hidup dalam ketakutan setiap kali hujan turun."

**(Menteri Wilayah Persekutuan)**

21. PR-1311-U54604

**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan mempertimbangkan cadangan untuk membenarkan keluarga mangsa yang mati dalam tahanan Polis Diraja Malaysia, memperoleh pakar perubatan forensik sendiri bagi menjalankan bedah siasat."

**(Menteri Dalam Negeri)**

22. PR-1311-U54605

**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pendidikan agama diperkenalkan di sekolah kepada pelajar bukan Islam sebagai langkah untuk menerapkan nilai-nilai murni dan keagamaan di kalangan pelajar bukan Islam di dalam membendung gejala sosial yang kian meningkat dan berleluasa akibat daripada kegagalan sistem pendidikan di Malaysia."

**(Menteri Pendidikan)**

23. PR-1311-U55044

**Tuan Lim Kit Siang [ Gelang Patah ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini mengecam Menteri Dalam Negeri, YB Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi untuk artikel "Hijrah ke negara republik jika enggan terima sistem negara" di dalam Utusan Malaysia pada 16 Mei 2013, kerana bukan sahaja menunjukkan keangkuhan dan penghinaan terhadap pendapat umum tetapi juga untuk seorang Menteri menyuruh rakyat Malaysia yang tidak suka dengan sistem Pilihan raya negara keluar meninggalkan negara adalah bertentangan dengan dasar 1Malaysia Perdana Menteri dan matlamat beliau untuk menjadikan Malaysia "demokrasi terbaik dunia".

**(Menteri Dalam Negeri)**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2013</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.2	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah Bagi Tahun 2011.	1 Julai 2013
ST.9	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Bagi Tahun 2011.	1 Julai 2013
ST.12	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia Bagi Tahun 2011.	1 Julai 2013